

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah rumah transit gelandangan yang telah siap dibina dan sudah mula beroperasi sehingga ke hari ini dan apakah pelan jangka masa panjang Kementerian untuk membina lagi rumah-rumah transit mengikut pengkhususan jantina.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil maklum akan keprihatinan masyarakat terhadap golongan gelandangan dan isu-isu yang dihadapi oleh mereka. Isu gelandangan merupakan satu isu urbanisasi yang berlaku di bandar-bandar besar di seluruh dunia termasuk di negara kita. Golongan gelandangan tertumpu sebilangan besarnya di Lembah Klang dan bandar-bandar besar lain seperti Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kuching.

Golongan gelandangan terdiri daripada pelbagai latar belakang, faktor penyebab mereka bergelandangan dan ciri yang berbeza serta unik mengikut keadaan sosio-ekonomi bandar-bandar tersebut. Berdasarkan dapatan Kajian Golongan Gelandangan di Lembah Klang yang dijalankan bermula dari Julai 2013 hingga Disember 2014 oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan melibatkan seramai 618 orang responden, adalah didapati bahawa sebilangan besar golongan gelandangan ini terdiri daripada kaum lelaki di peringkat umur yang produktif, bujang, tidak bekerja serta sedang mencari kerja dan mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Kepelbagaian latar belakang

golongan gelandangan ini memerlukan intervensi, kepakaran dan kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan termasuk pihak berkuasa bagi menangani isu gelandangan secara holistik.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah **pusat sehenti intervensi** yang dikenali sebagai **Anjung Singgah** di Kuala Lumpur pada tahun 2011 di bawah Yayasan Kebajikan Negara yang menyediakan tempat penginapan sementara, makanan serta khidmat kaunseling dan bantuan kebajikan yang diperlukan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan serta Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan. Susulan daripada kejayaan Anjung Singgah Kuala Lumpur, perkhidmatan Anjung Singgah ini telah dikembangkan ke Kuching, Sarawak (15 Oktober 2012), Johor Bahru, Johor (9 Jun 2013) dan Pulau Pinang (9 Jun 2014). Sejak mula beroperasi pada 9 April 2011 hingga Januari 2016, **sejumlah 3,215 orang** gelandangan secara sukarela yang ingin mengubah kehidupan mereka telah mendapatkan khidmat bantuan sosial di empat (4) buah Anjung Singgah tersebut. Sesi kaunseling secara individu dan berkelompok dijalankan di empat (4) buah Anjung Singgah tersebut mengikut keperluan gelandangan. Sesi kaunseling dikendalikan oleh kaunselor bertauliah yang berdaftar dari Lembaga Kaunselor Malaysia.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengalu-alukan dan menyambut baik usaha Kementerian Wilayah Persekutuan menubuhkan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur di Jalan Pahang, Kuala Lumpur dengan kapasiti 250 orang. Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur ini telah mula beroperasi pada 10 Februari 2016 dan pengoperasiannya bagi tempoh fasa pertama (Februari 2016 hingga Jun 2016) dengan dibantu oleh Yayasan Kebajikan Negara secara pinjaman pegawai/kakitangan, anggota sukarelawan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Bulan Sabit Merah Malaysia. Usaha ini merupakan langkah pertama pentadbiran bandar raya moden seperti Kuala Lumpur untuk penyelesaian jangka masa pendek seperti masalah ketiadaan tempat tinggal, mencari pekerjaan dan perkhidmatan kaunseling.

Pengoperasian Anjung Singgah dan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur telah mengambil kira isu gender/sensitiviti golongan gelandangan. Kedua-dua pusat ini telah mengasingkan penggunaan kemudahan seperti ruang penginapan, tandas dan surau golongan gelandangan mengikut jantina.

Bagi perancangan jangka panjang, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Yayasan Kebajikan Negara sedang

dalam proses untuk membina dua (2) buah lagi Anjung Singgah di Ipoh, Perak dan Kota Kinabalu, Sabah. Dalam pada itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berharap pihak berkuasa tempatan di bandar-bandar besar yang lain akan mengikut jejak usaha Kementerian Wilayah Persekutuan dalam menyelesaikan isu golongan gelandangan dalam kawasan pentadbiran mereka.